

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM PROAKTIF BANGUNKAN SEKOLAH DAIF, 1,175 PROJEK
DILULUSKAN PEMBINAAN DI SELURUH NEGARA**

Kementerian Pendidikan (KPM) proaktif memastikan isu sekolah daif ditangani segera menerusi pelaksanaan inisiatif projek pembangunan semula bangunan sekolah daif di seluruh negara. Sebanyak 1,175 projek pembangunan semula bangunan sekolah daif telah diluluskan pembinaannya dengan kos keseluruhan bernilai lebih RM12.47 bilion.

Sehingga bulan Mac 2025, sebanyak 739 projek pembangunan semula bangunan sekolah daif telah siap sepenuhnya, merangkumi 258 projek di Sarawak, 229 projek di Sabah dan 252 projek di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 203 projek sedang dalam pembinaan manakala 233 projek lagi berada pada peringkat prabina.

Pada tahun 2025, Kerajaan MADANI telah meluluskan pembinaan sebanyak 122 projek pembangunan semula bangunan sekolah daif baharu di seluruh negara. Ia adalah merupakan jumlah kelulusan tertinggi dalam tempoh lima tahun terakhir.

KPM sentiasa berusaha memastikan akses pendidikan terbaik dapat disediakan demi manfaat murid dan seluruh masyarakat.

TAMAT

Gambar boleh didapati dipautan berikut:

https://drive.google.com/drive/folders/1X98trNPIx6ZI1SX6EVg3Jug6Cqbu7KCZ?usp=drive_link

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
26 MAC 2025**